

**BERSAMA SIAPSIAGA  
HADAPI BENCANA TENGGUJUH  
2 DISEMBER 2022 | 7 JAMADILAWAL 1444H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Bencana atau musibah ialah apa jua yang boleh menyebabkan kesusahan atau penderitaan seperti banjir, ribut taufan, wabak penyakit, kemalangan besar, tanah runtuh dan sebagainya. Di Negeri kita, Pahang Darul Makmur, salah satu

ujian bencana yang sering berlaku saban tahun ialah bencana banjir, yang biasanya kerap terjadi pada musim tengkujuh, atau pada Monsun Timur Laut. Ada ketikanya bencana banjir ini menyebabkan kerugian kepada harta benda, kerosakan tanaman, kerugian kepada haiwan ternakan serta kadangkala mengakibatkan kehilangan nyawa.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Pada umumnya musibah atau bencana ini boleh dilihat daripada dua kategori:-

#### **Pertama:**

Musibah “Āmmah” iaitu bencana alam seperti banjir, ribut taufan, tanah runtuh, gempa bumi dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-‘Ankabut ayat :14

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا  
خَمْسِينَ عَامًا فَأَخَذَهُمُ الطُّوفَانُ وَهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٤﴾

**Yang bermaksud:** “Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya, maka tinggallah ia dalam kalangan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun; akhirnya mereka dibinasakan oleh taufan sedang mereka berkeadaan zalim (dengan kufur derhaka).”

## Kedua:

Musibah yang melibatkan individu. Setiap manusia tidak terlepas daripada ditimpa ujian dan musibah. Tujuannya adalah untuk menguji kesabaran kita kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala, begitu juga supaya kita menjauhi kemaksiatan serta menghapuskan dosa dan mendapatkan keampunan daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim:

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَذًى وَلَا غَمٍّ  
حَتَّى الشَّوْكَةِ يُشَاكُهَا إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهَا

**Yang bermaksud:** “*Apa jua yang menimpa seseorang muslim seperti kesukaran, penderitaan, kegundahan, kesedihan, kesakitan dan kemurungan, sekalipun tertusuk duri, Allah menghapuskan dosa-dosanya kerana kesabarannya.*”

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Ujian musibah bencana juga mendorong kita supaya sedar dan lebih insaf atas kecuaiian serta kerakusan kita melanggar perintah serta syariat Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Rom ayat: 41

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ  
بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

**Yang bermaksud:** *“Telah timbul pelbagai kerosakan di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang telah mereka lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Marilah kita bersama-sama bersiap sedia menghadapi bencana banjir dengan mengambil langkah berwaspada serta mematuhi segala arahan yang telah di berikan daripada pihak berkuasa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلْتَبْلُوْكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ  
وَالْأَنْفُسِ وَالْثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.